

Headline	TNB bantu terangi penglihatan pelajar		
MediaTitle	Kosmo		
Date	06 Sep 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Page No	39
ArticleSize	231 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,985		



TNB bantu terangi penglihatan pelajar

PRIHATIN. Tenaga Nasional Bhd. (TNB) memberi sumbangan cermin mata kepada 600 pelajar yang mempunyai masalah penglihatan seperti rabun dekat dan rabun jauh.

Program yang dianjurkan bersempena sambutan ulang tahun ke-70 TNB pada 1 September lalu itu dikenali sebagai projek rintis Better, Brighter, Vision dengan kerjasama Hospital Mata Nasional Tun Hussein Onn.

Aktiviti tanggungjawab sosial korporat TNB itu melibatkan tiga sekolah menengah dan dua sekolah rendah di kawasan kejiranan Ibu Pejabat TNB di Bangsar, antaranya Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya, SMK Sri Pantai dan SMK Bangsar.

Sumbangan tersebut disasarkan kepada kumpulan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.



SEBAHAGIAN daripada pelajar yang menerima sumbangan cermin mata daripada TNB di Kuala Lumpur baru-baru ini.